

Laksana RTB ikut perubahan iklim

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar meneliti semula projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) yang akan dilaksanakan bagi disesuaikan dengan perubahan iklim di negara ini.

Timbalan Menterinya, Datuk Hamim Samuri berkata, jumlah hujan tidak menentu perlu diambil kira supaya projek dilaksanakan memberi kesan terbaik kepada rakyat.

“Penerokaan kawasan

baru yang menyebabkan hakisan dan pengumpulan tanah mengakibatkan sungai menjadi cetek, ini masalah biasa kita dengar menyebabkan banjir.

“Tetapi kami kena ambil kira jumlah hujan luar biasa dalam tempoh sehari atau beberapa jam yang tertumpu di sesuatu tempat,” katanya pada persidangan Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan tambahan Datuk Noor Azmi Ghazali (BN-Bagan

Serai) yang ingin tahu mengenai usaha kerajaan memperkemaskan RTB susulan berlakunya hujan lebat berterusan di kawasan tertentu.

Terdahulu, menjawab soalan asal Siti Zailah Mohd Yusoff (PAS-Rantau Panjang) mengenai status projek RTB di Sungai Golok, Hamim berkata, ia kini pada peringkat pengukuran tanah manakala tender projek dijangka ditawarkan pada Julai depan. - BERNAMA